



## SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

### **Great Eastern Takaful Rangkul Pelbagai Anugerah Berprestij**

*Perkukuh kedudukan dalam industri Takaful dengan pencapaian cemerlang sepanjang 2023*

**4 Disember 2023, Kuala Lumpur** – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) melakar kejayaan menerusi pelbagai pembaharuan inovatif dalam pembangunan produk dan perkhidmatannya demi menyediakan perlindungan kesihatan dan kewangan komprehensif untuk rakyat Malaysia. Menzahirkan misi untuk membantu masyarakat yang memerlukan, Great Eastern Takaful telah merangkul pelbagai pengiktirafan berprestij daripada Persatuan Takaful Malaysia, *Global Islamic Finance Awards* (GIFA) serta *The BrandLaureate BestBrands Awards*.

Terbaharu, penganjuran majlis *Takaful Star Awards 2023* oleh Persatuan Takaful Malaysia telah memberi tujuh pengiktirafan kepada para perunding takaful serta kakitangan Great Eastern Takaful dan buat julung kalinya turut memperkenalkan Anugerah Pengantaraan Berasaskan Nilai untuk Takaful (VBIT). Dimenangi oleh Great Eastern Takaful, ia mengiktiraf usaha berterusan syarikat tersebut menerusi inisiatif *GETB Upcycling Project* yang berkisarkan kesedaran alam sekitar serta pengenalan aktiviti hasil semula sebagai satu langkah proaktif dalam menangani isu pencemaran plastik yang semakin meruncing.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahrman berkata, “Sebagai pengendali takaful keluarga yang menitikberatkan kelestarian alam sekitar, anugerah ini amat bermakna kerana usaha untuk meningkatkan kesedaran mengenai pengurusan sisa plastik bukan sahaja dapat membantu melindungi hidupan marin. Secara tidak langsung, ia juga memberikan kesan positif terhadap masyarakat untuk menjalani hidup yang lebih sihat dalam persekitaran yang lebih bersih. Melalui inisiatif unik ini, kami mengetengahkan amalan hasil semula menggunakan mesin kitar dan penghasilan semula 2-dalam-1 serta giat menjalankan pelbagai program kesedaran bersama para pelajar sekolah dan institut pengajian tinggi, badan korporat dan komuniti setempat.”

Selain itu, Great Eastern Takaful turut merangkul anugerah Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik Malaysia oleh *Global Islamic Finance Awards* (GIFA) dan anugerah Jenama yang Paling Dihargai oleh *The BrandLaureate BestBrands Awards* berdasarkan sumbangannya terhadap industri takaful terutamanya dalam merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia. Menerusi pelbagai pelan takaful mampu milik dengan akses mudah serta digitalisasi perkhidmatan dan operasi perniagaan, ia memudahkan para perunding takaful untuk membantu para pelanggan mendapatkan perlindungan yang memenuhi keperluan mereka.

“Dalam mengutamakan perlindungan kesihatan dan kewangan terutamanya dalam menghadapi situasi tidak terduga, kami sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan terbaik. Dengan lebih 10 ribu perunding takaful di seluruh negara serta pelbagai saluran pengedaran dan rakan niaga korporat, kami sedia melindungi individu, ahli keluarga mahupun entiti perniagaan. Kami ingin terus mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia dan pencapaian kami pada hari ini adalah kejayaan kita semua,” tambahnya.

-TAMAT-

## **MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD**

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care) dan kelastarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Untuk maklumat lanjut, sila layari [www.greasterntakaful.com](http://www.greasterntakaful.com).

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

### **Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:**

Mastura Abd Rahim

Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat

Great Eastern Takaful Berhad

Tel : 016 - 209 234

E-mel : [MasturaAbdRahim@greasterntakaful.com](mailto:MasturaAbdRahim@greasterntakaful.com)